



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

SEMINAR PENGAJAR TVET KEBANGSAAN TAHUN 2024

1. Seminar Pengajar TVET Kebangsaan Tahun 2024, yang diadakan di Auditorium Blok C, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, telah dirasmikan hari ini oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia. Seminar ini mengumpulkan 150 peserta terdiri dari pemegang taruh utama dalam sektor TVET di satu platform yang berobjektifkan perkongsian maklumat dan idea merentas pelbagai agensi.
2. Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah menyempurnakan Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2024. Hadir sama pada konvokesyen ini adalah Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, Ts. Hajah Zuleah binti Darsong dan Pengarah CIAST, Ts. Haji Mohd Manoj bin Jumidali.
3. Selari dengan tema - Transformasi TVET Madani : Penerapan Kecerdasan Buatan (AI), seminar ini mengupas dan berkongsi maklumat-maklumat terkini berkaitan integrasi teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mengukuhkan pendidikan TVET. Empat orang pembentang telah dijemput bagi menyampaikan topik-topik berkaitan kecerdasan buatan (AI) dan PdP antaranya dari agensi MIMOS, MDEC, MBOT dan CIAST.
4. Berasaskan 3 teras utama dalam Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KSM 2021-2025 iaitu Pengukuhan Aplikasi Inklusif & Bersepadu, Pengukuhan Infrastruktur Pendigitalan Efisien & Selamat, dan Pemerkasaan Tadbir Urus Pendigitalan & Kompetensi Modul Insan, melalui seminar ini juga diharapkan teknologi digital yang diaplikasikan bakal menjadi pelengkap kepada aktiviti praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran, juga menghasilkan pengajar yang lebih fleksibel dalam menghadapi dunia dengan norma baharu.

5. Selain itu, bagi menyokong aspirasi kerajaan, JPK dan CIIAST telah merangka dasar dan melaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 iaitu melahirkan **Master Trainer dalam bidang tujahan baru atau New Emerging Technology (NET)** dikalangan pengajar TVET. CIIAST telah melaksanakan lapan (8) bidang tujahan baru ini iaitu Metal Additive Manufacturing Specialist dalam Additive Manufacturing Technology, Penetration Tester Specialist in Intrusion Defence dalam Cyber Security Technology, Building Automation System Designer Specialist dalam Internet of Things (IOT), Smart System Integration Specialist dalam System Integration, Advanced Driver Assistant System (ADAS) dalam Autonomous and Electric Vehicle Technology, Drone Piloting and Technical Specialist dalam Drone Technology, Phase Array Ultra Testing Specialist (PAUT) dalam Welding Technology dan AI Machine Learning Specialist dalam Artificial Intelligence.
6. **Sepuluh (10) pengajar TVET** daripada pelbagai agensi TVET yang telah dilatih dalam program ini mengikut bidang adalah bakal Master Trainer NET mengikut lapan (8) bidang akan menjadi pakar rujukan kepada agensi masing-masing. Selain itu, mereka akan melatih semula pengajar TVET yang lain di dalam agensi yang sama atau Institusi TVET yang berdekatan sebagai keberhasilan daripada latihan yang telah diterima.
7. Setakat Julai 2024, seramai **554 tenaga pengajar** telah dilatih di bawah program National Instructor Training Programme (NITP), dan seramai **13,721 personel** telah mengikuti kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh CIIAST. Secara langsung, statistik ini, diharapkan memberi impak positif kepada pelajar TVET melalui peningkatan kemahiran dan pengetahuan pengajar serta personel.
8. Kementerian Sumber Manusia Malaysia komited untuk meningkatkan kualiti pengajaran di institusi TVET melalui program latihan terancang di peringkat CIIAST dan JPK. Kursus-kursus seperti Reskilling, Upskilling, Industry4ward dalam *new emerging technology, coaching and mentoring* dan fellowship merupakan inisiatif utama dalam usaha ini. Melalui program ini, pengajar TVET tidak hanya memperoleh kemahiran teknikal yang terkini tetapi juga mempelajari teknik pedagogi yang lebih efektif. Langkah ini diharapkan dapat mempertingkatkan profesionalisme pengajar serta meningkatkan kualiti keseluruhan institusi TVET di negara kita.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
3 OKTOBER 2024

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRD Corp.)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	